

(<http://dx.doi.org/10.17576/AJAG-2020-14-05>)

Hubungan antara Urus Niaga Pihak Berkaitan dan Yuran Audit: Bukti Syarikat Tersenarai di Malaysia

(Relationship between Related Party Transactions and Audit Fees: Evidence from Malaysian Listed Firms)

NOR SUHAILA MOHD GHAZALI, HAMEZAH MD NOR, NUR HIDAYAH WAAD & MOHD MOHID RAHMAT

ABSTRAK

Secara umumnya, urus niaga pihak berkaitan (UPB) dapat meningkatkan kecekapan operasi perniagaan firma. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam skandal kewangan yang melibatkan UPB menggambarkan bahawa urus niaga ini berpotensi dijadikan alat oleh pihak berkepentingan untuk merampas sumber kekayaan firma. Disebabkan oleh potensi penyalahgunaan tersebut, maka UPB menjadi cabaran dalam kerja audit. Oleh itu juruaudit terdedah dengan risiko audit dan perlu menumpukan masa serta usaha untuk melaksanakan kerja audit. Risiko dan kesukaran dalam kerja audit ini seringkali dikaitkan dengan peningkatan yuran audit. Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk mengkaji hubungan antara UPB dan yuran audit di Malaysia. Secara khususnya, kajian ini mengelaskan UPB berdasarkan kompleksiti urus niaga dan pihak berkaitan iaitu terdiri daripada UPB rumit atau UPB mudah dan UPB efektif atau UPB konflik. Kajian ini meliputi 583 buah firma awam yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi tempoh 2013 hingga 2017. Kajian ini mendapati UPB rumit, UPB mudah dan UPB efektif menunjukkan hubungan positif dan signifikan dengan yuran audit. Dapatan kajian ini menyokong kepada teori agensi bahawa UPB secara umumnya meningkatkan risiko salah nyata dan kerja-kerja audit. Kajian ini dapat menyediakan maklumat kepada penyedia penyata kewangan mengenai potensi risiko salah nyata penyata kewangan yang timbul daripada UPB. Juruaudit juga perlu memahami kepentingan setiap jenis urus niaga dan pihak berkaitan untuk membuat penilaian dan prosedur audit yang lebih bersesuaian.

Kata Kunci: Urus niaga pihak berkaitan; yuran audit; usaha audit; kompleksiti urus niaga; pihak berkaitan

ABSTRACT

Generally, related party transactions (RPTs) can enhance the efficiency of firm's business operations. However, the increase in financial scandals involving RPTs proves that these transactions could potentially be used as a tool by stakeholders to extract firm's wealth. Due to the potential abuse, RPTs are a challenge to the audit work. Therefore, auditors are exposed to audit risk and need to devote time and effort to performing audit work. The risks and difficulties in audit works are often associated with increased audit fees. Therefore, the objective of this study is to examine the relationship between RPTs and audit fees in Malaysia. Specifically, this study classifies RPTs based on their complexity and type of related parties which includes complex RPTs or simple RPTs and effective RPTs or conflict RPTs. This study employs a total of 583 firms listed on Bursa Malaysia from 2013 to 2017. The findings suggest that complex RPT, simple RPT and effective RPT have positive and significant relationships with audit fees. These findings support agency theory that RPTs increase audit risks and audit efforts. This study provides insights for financial statement preparers to the potential risks of financial misstatement arising from RPTs. Auditors need to understand the importance for each type of RPTs in order to make an appropriate audit judgement and procedures.

Keywords: Related party transactions; audit fees; audit effort; complexity of transactions, related parties

PENGENALAN

Urus niaga pihak berkaitan (UPB) adalah sah di sisi undang-undang dan lazimnya dijalankan untuk memenuhi keperluan ekonomi asas firma (Gordon et al. 2004). Bagi negara-negara membangun seperti Malaysia di mana pasaran luaran (kewangan dan bukan kewangan) tidak berfungsi secara cekap, UPB disifatkan sebagai urus niaga 'benign' dan tidak dapat dielakkan, berguna dan dijalankan secara berulang (Gordon et al. 2004; Kohlbeck & Mayhew 2010; Utama et al. 2010). Walau

bagaimanapun, pendedahan skandal perakaunan yang melibatkan syarikat ternama seperti Enron Corporation, WorldCom dan Satyam Computers Ltd membuktikan bahawa UPB juga boleh dimanipulasi oleh pihak berkepentingan yang mempunyai kuasa kawalan untuk merampas kekayaan firma (Kohlbeck & Mayhew 2010). Oleh itu, kewujudan UPB dikatakan berpotensi untuk meningkatkan risiko salah nyata material dalam pelaporan kewangan (Kohlbeck & Mayhew 2010). Teori agensi mencadangkan bahawa juruaudit sebagai mekanisma pemantau yang berkesan untuk mengawal sebarang tingkah laku oportunistik dalam firma (Gallery et al. 2008). Namun, disebabkan sifat UPB yang kompleks serta melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, urusan ini memberi cabaran kepada juruaudit terutamanya untuk mengenal pasti UPB yang mungkin disembunyikan atau disalahgunakan oleh pihak berkepentingan syarikat. Sehubungan dengan itu, juruaudit perlu meningkatkan usaha audit apabila mengaudit UPB. Perancangan audit yang lebih teliti, skop kerja audit yang meluas serta masa yang lebih lama perlu diperuntukkan oleh juruaudit berbanding dengan mengaudit urusan niaga biasa (Al-Dhamari et al. 2017; Habib et al. 2015; Kohlbeck & Mayhew 2017). Selain itu, juruaudit juga terdedah dengan risiko audit dan mungkin berdepan dengan tindakan litigasi jika gagal mengesan salah nyata material dalam penyata kewangan membabitkan UPB. Peningkatan dalam usaha dan risiko audit ini menyebabkan juruaudit akan mengenakan yuran audit yang lebih tinggi (Al-Dhamari et al. 2017; Habib et al. 2015; Kohlbeck & Mayhew 2017).

Walaupun kajian lepas berkaitan dengan UPB telah banyak dijalankan, namun, kajian tersebut lebih tertumpu kepada kesan UPB terhadap prestasi/nilai firma dan kualiti perolehan (rujuk Abdul Wahab et al. 2010; Aharony et al. 2010; Dahya et al. 2008; Elkelish 2017; Kohlbeck & Mayhew 2010; Munir & Gul 2010; Munir et al. 2013; Wong et al. 2015). Kajian sejauhmana UPB memberi kesan kepada usaha audit dan seterusnya yuran audit masih lagi terhad dan tidak konsisten. Berdasarkan kajian literatur yang dibuat, hanya tiga kajian sahaja yang telah dijalankan untuk melihat hubungan di antara UPB dengan yuran audit. Contohnya, kajian oleh Habib et al. (2015) di China mendapati UPB mengakibatkan peningkatan dalam perletakan yuran audit. Penemuan ini dikaitkan dengan faktor risiko audit yang memerlukan juruaudit melaksanakan prosedur audit yang khusus untuk mengenalpasti, menilai dan bertindakbalas terhadap risiko salah nyata penyata kewangan. Hasil kajian tersebut turut disokong oleh kajian di Malaysia oleh Al-Dhamari et al. (2017) yang mendapati UPB meningkatkan yuran audit terutamanya urusan niaga jualan dan belian aset, barang dan perkhidmatan yang sering disalahguna untuk memindahkan sumber kekayaan firma. Ini menyebabkan juruaudit terdedah kepada risiko salah nyata penyata kewangan yang lebih tinggi. Namun, berbeza dengan kajian oleh Kohlbeck dan Mayhew (2017), UPB tidak meningkatkan yuran audit di Amerika Syarikat kerana piawaian pengauditan di negara tersebut tidak menekankan tanggungjawab juruaudit terhadap UPB. Oleh itu kami berpendapat bahawa kajian berkaitan dengan kesan UPB terhadap usaha audit dan seterusnya yuran audit perlu dijalankan untuk mengisi lompang kajian lepas. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara UPB dan yuran audit di Malaysia.

Terdapat beberapa keperluan untuk mengkaji hubungan UPB dan yuran audit di Malaysia. Pertama, ekonomi di negara ini adalah bercirikan sistem asas hubungan (Md Nor & Ku Ismail 2017). Kebanyakan syarikat di Malaysia mempunyai pemilikan tertumpu yang tinggi di mana, peratusan pegangan ekuiti didominasi di kalangan ahli keluarga atau kerajaan. Ini disokong oleh kajian Claessens et al. (2002) yang mendapati 10 keluarga teratas menguasai kira-kira 25% daripada jumlah permodalan pasaran syarikat di Malaysia. Maka tidak hairanlah syarikat di Malaysia cenderung untuk menjalankan UPB. Kedua, penguatkuasaan peraturan yang lemah dan perlindungan pemegang saham minoriti yang rendah di Malaysia juga memberi peluang kepada pemegang saham pengawal (*controlling shareholders*) untuk mengambil alih kekayaan pemegang saham minoriti menerusi UPB (Munir et al. 2013). Ketiga, perundangan pengauditan di Malaysia amat menekankan tanggungjawab juruaudit untuk melaporkan dan memberi jaminan sepenuhnya terhadap UPB. Oleh kerana UPB kerap dijalankan oleh firma di Malaysia sebagai sokongan kepada operasi perniagaan, maka adalah perlu untuk melihat hubungan UPB dan yuran audit dalam struktur ekonomi di Malaysia.

Kajian ini menggunakan model regresi kesan tetap untuk pengujian hipotesis ke atas 583 buah firma awam yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi tempoh 2013 hingga 2017. Kompleksiti UPB dikelaskan kepada UPB rumit dan UPB mudah. UPB rumit merujuk kepada urusan niaga yang merupakan aktiviti utama operasi perniagaan dan kebiasaannya melibatkan pelbagai akaun, pihak berkaitan serta terma dan syarat (Kohlbeck & Mayhew 2010). UPB mudah pula adalah urusan niaga langsung yang melibatkan beberapa akaun dan pihak berkaitan sahaja serta tidak memerlukan sebarang peraturan atau prosedur khusus (Kohlbeck & Mayhew 2010). Hubungan pihak berkaitan pula dikelaskan kepada UPB efektif dan UPB mudah. UPB efektif merujuk kepada urusan niaga di kalangan kumpulan firma seperti subsidiari, usaha sama dan syarikat bersekutu, tanpa adanya kepentingan individu pihak berkaitan. Manakala UPB konflik pula adalah urusan niaga yang melibatkan pengurus, pengarah, pemegang saham pengawal atau individu yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang saham pengawal atau pengarah firma berkaitan (MFRS 124). Kajian ini mendapati UPB rumit, UPB mudah dan UPB efektif menunjukkan hubungan positif dan signifikan dengan yuran audit. Dapatan ini memberi bukti bahawa juruaudit di Malaysia melihat UPB secara umumnya sebagai faktor risiko audit yang menjadikan mereka lebih skeptikal apabila mengaudit firma yang menjalankan UPB. Oleh itu juruaudit akan meningkatkan usaha audit yang akhirnya memberi kesan kepada peningkatan yuran audit.

Kajian ini dijangka dapat menghuraikan lebih lanjut isu berkaitan dengan kompleksiti UPB dengan membezakan UPB kepada UPB rumit dan UPB mudah dan kesannya terhadap perletakan yuran audit. Selain itu, pendedahan maklumat pihak berkaitan dalam kajian ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas untuk menerangkan sifat perhubungan pihak berkaitan yang

terlibat dalam urus niaga yang dijalankan sama ada ianya digunakan untuk tujuan efektif (UPB efektif) ataupun mengandungi konflik kepentingan (UPB konflik). Kajian ini juga memberi sumbangan kepada agensi teori dengan memberi huraian lanjut mengenai peranan juruaudit sebagai mekanisma pemantau dalam usaha untuk memastikan firma menyediakan maklumat kewangan yang benar khususnya melibatkan UPB. Kajian ini juga menghuraikan bagaimana kos agensi berhubungan dengan usaha dan kerja audit yang dilaksanakan bagi memberi jaminan kepada maklumat kewangan yang dilaporkan. Kajian ini turut menambah kajian yang telah dilakukan oleh Al-Dhamari et.al (2017), Habib et al. (2015) dan Kohlbeck & Mayhew (2017). Oleh itu, dapatan kajian ini dapat memberikan kefahaman yang lebih baik sejauhmana juruaudit meningkatkan usaha dan kerja audit untuk memastikan UPB dilaporkan dengan sewajarnya yang akhirnya memberi kesan kepada yuran audit. Di samping itu, kajian ini juga menambah kepada kajian literatur yuran audit dengan memberi penekanan terhadap kewujudan UPB dalam perletakan yuran audit.

KAJIAN LITERATUR DAN PEMBANGUNAN HIPOTESIS

Teori agensi menerangkan tentang pengasingan pemilikan dan kawalan yang wujud daripada hubungan prinsipal-agen yang menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan maklumat antara prinsipal dan agen (Jensen 1993; Jensen & Meckling 1976; Panda & Leepsa 2017). Agen dianggap mempunyai lebih banyak maklumat mengenai operasi firma dan berupaya menyembunyikan maklumat kewangan tersebut daripada dilaporkan untuk kepentingan diri sendiri. Pihak prinsipal pula sebaliknya, tidak mempunyai kawalan terhadap laporan kewangan yang dilaporkan oleh pihak pengurusan sama ada dinyatakan dengan benar atau sebaliknya. Kegagalan prinsipal untuk memantau kelakuan pihak pengurusan dan juga pengarah boleh membawa kepada penyelewangan dalam pengurusan sumber perniagaan seperti penipuan dan manipulasi pendapatan. Teori agensi mengandaikan pengasingan pemilikan ini boleh mengakibatkan berlakunya tingkah laku pengurus yang oportunistik disebabkan oleh konflik kepentingan antara pengurus dan pemegang saham (Jensen 1993; Jensen & Meckling 1976).

Dalam kebanyakan kes yang berlaku, UPB sering dikaitkan dengan penyelewengan yang mengakibatkan konflik agensi sama ada konflik jenis I atau jenis II (Fama 1980; Jensen & Jensen 1986). Konflik agensi jenis I adalah konflik kepentingan antara pengurus (agen) dan pemegang saham (prinsipal). Pengurus menggunakan UPB sebagai alat untuk memaksimumkan kekayaan mereka pada kos perbelanjaan pemegang saham (Henry et al. 2007). Menurut Jensen dan Meckling (1976), disebabkan oleh agen tidak memiliki sumber firma maka mereka lebih cenderung untuk terlibat dengan kelakuan tidak bermoral seperti mengabaikan tanggungjawab dan menyembunyikan sebarang ketidakcekapan firma untuk menggelak pemotongan ganjaran atau insentif kewangan. Kenyataan ini disokong oleh kajian lepas yang menunjukkan pengurus menggunakan sumber firma untuk mendapatkan ganjaran kewangan, kenaikan pangkat, pengiktirafan dan sebagainya (Colbert & Jahera 1988).

Konflik agensi jenis II pula melibatkan konflik antara pemegang saham pengawal dengan pemegang saham minoriti. Konflik kepentingan ini wujud apabila firma dikawal oleh sebilangan besar pihak berkepentingan yang mana terdapat kecenderungan bahawa pemegang saham yang lebih dominan berupaya merampas kekayaan pemegang saham minoriti (Shleifer & Vishny 1986). Kajian lepas memberikan bukti bahawa pemegang saham dominan menggunakan UPB sebagai alat untuk merampas kekayaan pemegang saham minoriti menerusi aktiviti *'tunneling'*, *'propping'* atau pengurusan pendapatan (Jian & Wong 2010; Munir et al. 2013).

Teori agensi mencadangkan bahawa mekanisma pemantauan seperti juruaudit amat diperlukan dalam sesebuah firma untuk mengawal dan memantau sebarang aktiviti yang dijalankan oleh agen mereka terutamanya melibatkan tingkah laku oportunistik. Ini kerana juruaudit mampu melaksanakan tugas secara bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak (Gallery et al. 2008), serta berupaya menyelaraskan kepentingan agen dan prinsipal (Mustapha 2014). Jensen dan Meckling (1976) menyatakan bahawa pihak pengurusan yang oportunistik bukan sahaja memberikan kesan kepada firma tetapi juga kepada pihak berkepentingan seperti pemegang saham, pemiutang dan pemegang taruhan lain (Colbert & Jahera 1988). Isu keperluan fungsi pemantauan terhadap UPB ini timbul apabila terdapat banyak kes penipuan perakaunan yang melibatkan UPB yang akhirnya memberi kesan kepada kualiti pelaporan kewangan (Ge et al. 2010; Gordon et al. 2007). Huang dan Liu (2010) misalnya, mendapati pihak berkaitan menggunakan pengaruh dan kawalan yang dimiliki untuk melaksanakan UPB mengikut kepentingan peribadi mereka. Firma juga menggunakan UPB seperti urus niaga jualan pihak berkaitan untuk mencapai sasaran keuntungan yang ingin dicapai oleh firma (Jian & Wong 2010; Yeh et al. 2012). Oleh itu, UPB dilihat sebagai faktor risiko audit yang memerlukan juruaudit agar lebih skeptikal dalam mengaudit UPB. Prosedur audit yang lebih ketat perlu disediakan semasa mengaudit UPB dan untuk mengenalpasti sebarang salah nyata kewangan yang ketara (DeAngelo 1981).

HUBUNGAN KOMPLEKSITI UPB DAN YURAN AUDIT

Kohlbeck dan Mayhew (2010) berpendapat bahawa setiap UPB mempunyai sifat kompleksiti urus niaga yang berbeza dan berhubungan dengan risiko salah nyata penyata kewangan yang berbeza. Oleh itu, usaha audit dan seterusnya yuran audit juga

berbeza bergantung kepada kompleksiti UPB. Semakin kompleks transaksi UPB maka semakin banyak kerja audit yang perlu dilaksanakan. Juruaudit perlu melaksanakan prosedur audit yang lebih luas dan intensif untuk mengenalpasti urus niaga yang dijalankan dan pemeriksaan yang lebih banyak diperlukan terhadap rekod atau dokumen berkaitan dengan UPB. Akibatnya juruaudit perlu memperuntukkan masa yang panjang dalam usaha mengenalpasti UPB yang dijalankan.

Selari dengan kajian oleh Kohlbeck dan Mayhew (2010), kajian ini mengelaskan kompleksiti UPB kepada UPB rumit dan UPB mudah. UPB rumit adalah urus niaga yang melibatkan aktiviti utama operasi perniagaan seperti urus niaga jualan dan belian barang atau aset, penerimaan atau pemberian perkhidmatan, pembayaran overhead, perbelanjaan penyelidikan, jualan atau belian saham dan lain-lain urus niaga yang berkaitan dengan aktiviti utama perniagaan. UPB rumit ini disifatkan sebagai kompleks kerana melibatkan pelbagai akaun, pihak berkaitan dan pelbagai terma dan syarat urus niaga (Kohlbeck & Mayhew 2010). Urus niaga ini juga sering melibatkan penjanjian jangka panjang dan juga merupakan urus niaga yang berulang. Pihak pengurusan yang oportunistik akan menggunakan UPB untuk merampas kekayaan firma dengan cara menstruktur UPB rumit sehingga sukar dikesan oleh juruaudit (Ariff & Hashim 2013; Rahmat et al. 2013). Keadaan ini menunjukkan bahawa juruaudit terdedah dengan risiko audit apabila mengaudit UPB rumit. Kajian oleh Habib dan Muhammadi (2018), membuktikan bahawa juruaudit terpaksa memperuntukkan masa yang lebih lama untuk mengaudit penyata kewangan firma yang terlibat dengan jumlah UPB jualan dan belian pihak berkaitan yang tinggi. Keadaan ini boleh menyumbang kepada peningkatan yuran audit kerana juruaudit perlu meningkatkan usaha, masa dan skop kerja audit dalam usaha mengaudit penyata kewangan firma tersebut (Al-Dhamari et al. 2017; Habib et al. 2015; Kohlbeck & Mayhew 2017).

UPB mudah pula adalah urus niaga langsung dan kebiasaannya hanya melibatkan beberapa akaun dan pihak berkaitan sahaja. Urus niaga ini lebih mudah dijalankan kerana tidak memerlukan sebarang peraturan atau prosedur khusus. Antara contoh UPB mudah ialah urus niaga yang melibatkan perkhidmatan perundangan atau perundingan, pajakan, pinjaman dan jaminan dari atau kepada pihak berkaitan serta sewa (Kohlbeck & Mayhew 2010). Firma misalnya boleh memberi pinjaman secara terus kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki. Pemeriksaan terhadap UPB mudah adalah lebih mudah dan juruaudit secara terus boleh mengenalpasti tujuan urus niaga tersebut dijalankan. Risiko salah nyata UPB mudah dalam penyata kewangan juga berkemungkinan lebih rendah berbanding UPB rumit. Walau bagaimanapun, menurut Al-Dhamari et al. (2017), urus niaga ini boleh juga dimanipulasi jika dilaksanakan pada terma dan syarat yang lebih memihak kepada pihak berkaitan dan dijalankan di luar prinsip *arms-length business transaction*. Kajian oleh Kohlbeck dan Mayhew (2010) membuktikan bahawa pihak dalaman firma menggunakan urus niaga langsung seperti pajakan, sewa, perkhidmatan perundangan atau perundingan, jaminan dan juga pinjaman untuk tujuan manipulasi pendapatan.

Selaras dengan teori agensi dan dapatan dari kajian lepas, kajian ini berpendapat bahawa kompleksiti UPB yang berbeza memberi kesan berbeza terhadap usaha audit dan seterusnya penetapan yuran audit (Al-Dhamari et al. 2017; Habib et al. 2015; Kohlbeck & Mayhew 2010). Hipotesis pertama yang akan diuji adalah seperti berikut:

H1: Hubungan antara UPB dan yuran audit bergantung kepada kompleksiti UPB.

HUBUNGAN JENIS PIHAK BERKAITAN DAN YURAN AUDIT

Kajian ini seterusnya mengkaji potensi risiko mengaudit UPB dengan melihat kepada hubungan pihak berkaitan yang terlibat dalam UPB. Berdasarkan keperluan MFRS 124, selain daripada juruaudit perlu mengenalpasti kewujudan UPB, juruaudit juga perlu mendedahkan siapakah pihak berkaitan yang terlibat dalam urus niaga tersebut. Selari dengan MFRS 124 dan kajian oleh Nekhili & Cherif (2011), kajian ini mengelaskan pihak berkaitan kepada dua kategori utama iaitu UPB efektif dan UPB konflik. UPB efektif adalah urus niaga antara entiti dalam kumpulan yang terdiri daripada subsidiari, usaha sama dan syarikat bersekutu. Urus niaga ini kebiasaannya tidak melibatkan kepentingan individu pihak berkaitan. Manakala UPB konflik adalah urus niaga yang melibatkan pengurus, pengarah, pemegang saham pengawal atau individu yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang saham pengawal atau pengarah firma berkaitan.

Kajian lepas mendapati urus niaga yang dijalankan antara kumpulan firma tidak menjejaskan nilai pemegang saham minoriti (Kohlbeck & Mayhew 2017; Nekhili & Cherif 2011). Urus niaga ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi perniagaan dengan meminimumkan kos operasi melalui hubungan perniagaan (Cheung et al. 2006). Risiko salah nyata dalam penyata kewangan bagi urus niaga antara kumpulan firma dikatakan rendah kerana kebiasaannya firma tidak mempunyai motif untuk menyembunyikan urus niaga tersebut. Oleh yang demikian, juruaudit mungkin tidak menghadapi kesulitan dalam mengaudit UPB efektif.

Walaupun bagaimanapun, UPB yang mempunyai kepentingan individu pihak berkaitan adalah lebih berpotensi untuk berlakunya konflik kepentingan antara pihak berkaitan. Urus niaga ini juga sering didapati tidak didedahkan mengikut keperluan perakaunan yang betul (OECD 2009). Pengurus misalnya, berupaya memanipulasi UPB dengan menyembunyikan kewujudan urus niaga tersebut daripada dilaporkan dengan cara yang benar (Gordon et al. 2007). Malah, urus niaga dengan pengurus, pengarah dan pemegang saham atau individu yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang saham boleh mengakibatkan rampasan kekayaan pemegang saham minoriti (Nekhili & Cherif 2011). Pemegang saham yang mempunyai kawalan yang

dominan ke atas syarikat berpeluang untuk memindahkan sumber kekayaan melalui UPB dengan menyembunyikan kepentingan mereka dalam entiti yang dimilikinya (Wong et al. 2015).

Kajian oleh Chaghadari dan Shukor (2011), melalui satu sesi temuramah yang dijalankan ke atas pengurus membuktikan bahawa pengurus lebih memilih untuk menyembunyi UPB daripada dilaporkan dalam pelaporan kewangan kerana ianya dapat mempengaruhi keputusan pelaburan oleh pihak pelabur. Kajian oleh Habib et al. (2019) mendapati juruaudit akan menilai kehadiran pengarah yang pernah terlibat dalam skandal perakaunan sebagai faktor risiko audit yang boleh meningkatkan prosedur audit dan seterusnya yuran audit. UPB konflik juga dianggap sebagai petunjuk kepada 'red flag' yang boleh mengakibatkan penyataan semula penyata kewangan dan meningkatkan risiko audit (Kohlbeck & Mayhew 2017). Jelasnya, firma cenderung untuk tidak melaporkan UPB konflik dengan sewajarnya kerana ianya akan mendedahkan kepentingan individu dalam urus niaga tersebut.

Konsisten dengan teori agensi, juruaudit bertanggungjawab untuk menilai UPB bukan sekadar melihat kepada nilai magnitud UPB sahaja tetapi juga pihak berkaitan yang terlibat. Oleh yang demikian, juruaudit perlu membuat pemeriksaan secara terperinci untuk mengenal-pasti siapakah pihak berkaitan yang terlibat dan seterusnya menentukan sebarang risiko penipuan dalam UPB. Kajian ini menjangkakan juruaudit mempunyai perancangan kerja audit yang berbeza dalam menilai UPB mengikut jenis pihak berkaitan yang terlibat yang boleh mempengaruhi kepada peningkatan masa, usaha dan skop kerja audit dan akhirnya dapat memberi kesan kepada peningkatan yuran audit.

Hipotesis 2: Hubungan antara UPB dan yuran audit bergantung kepada pihak berkaitan yang terlibat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua sumber utama dalam pengumpulan data iaitu dari laporan tahunan firma yang diperolehi di papan utama Bursa Malaysia dan DataStream. Data kajian ini dikumpulkan bermula dari tahun 2013 hingga 2017. Tahun 2013 dipilih untuk melihat implikasi dan perubahan terhadap UPB di kalangan firma tersenarai di Malaysia selepas *MFRS 124 Related Party Disclosure* disemak semula dan dikuatkuasa bermula 1 Januari 2012. Pemilihan sampel selepas *MFRS 124* telah dikuatkuasa semula ini dijangka memberi impak kepada pendedahan maklumat UPB yang dilaporkan oleh firma.

Populasi kajian ini terdiri daripada firma yang tersenarai di pasaran utama (*Main Market*) Bursa Malaysia. Firma yang beroperasi dalam industri kewangan dikeluarkan daripada pemilihan sampel kerana perbezaan ciri-ciri tadbir urus, perundangan serta piawaian yang diguna pakai (Rahmat & Mohd Iskandar 2004). Firma yang tidak memiliki laporan kewangan yang lengkap atau tidak dapat diakses turut dikeluarkan daripada sampel kajian ini. Merujuk kepada Jadual 1 dan 2, saiz sampel akhir bagi kajian ini adalah sebanyak 583 buah firma daripada jumlah keseluruhan firma di pasaran utama sebanyak 769 buah firma dan jumlah keseluruhan sampel dalam kajian ini untuk tempoh lima tahun (2013-2017) adalah sebanyak 2,915 buah firma.

JADUAL 1. Sampel kajian

| FIRMA | |
|--------------------------------------|------------|
| Jumlah keseluruhan firma | 769 |
| Industri kewangan dikeluarkan | (29) |
| Data firma tidak lengkap dikeluarkan | (157) |
| JUMLAH | 583 |

Nota: Jumlah pemerhatian meliputi tahun 2013-2017

JADUAL 2. Jumlah sampel kajian mengikut industri

| Industri | Firma | Jumlah pemerhatian |
|--------------------------------|------------|--------------------|
| Pengguna/Barangan/Perkhidmatan | 408 | 2040 |
| Teknologi | 29 | 145 |
| Pembinaan | 35 | 175 |
| Hartanah | 70 | 350 |
| Perlombongan/Perladangan | 38 | 190 |
| Hotel | 3 | 15 |
| JUMLAH | 583 | 2915 |

Berdasarkan Kohlbeck dan Mayhew (2010), UPB dibezakan mengikut kompleksiti urus niaga iaitu UPB rumit dan UPB mudah. UPB rumit ini disifatkan sebagai urus niaga yang rumit atau kompleks kerana urus niaga ini kebiasaannya melibatkan banyak akaun penyata kewangan, pelbagai pihak berkaitan dan melibatkan terma dan syarat urus niaga yang kompleks. Urus niaga ini juga sering melibatkan penjanjian jangka panjang dan juga merupakan urus niaga yang berulang. Manakala UPB mudah pula adalah urus niaga secara langsung. UPB mudah mempunyai sifat urus niaga yang hanya melibatkan

beberapa akaun penyata kewangan dan pihak berkaitan sahaja dan merupakan urus niaga yang lebih mudah dijalankan kerana tidak memerlukan sebarang peraturan atau prosedur urus niaga yang khusus.

Seterusnya, data UPB dikumpulkan mengikut klasifikasi pihak berkaitan selaras dengan keperluan *MFRS 124 Related Party Transaction* dan kajian oleh Nekhili & Cherif (2011). UPB dikelaskan kepada 2 kategori utama iaitu UPB dengan entiti-entiti (UPB efektif) dan UPB dengan pihak berkaitan seperti pengurus, pengarah, pemegang saham mengawal atau individu yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang saham mengawal atau pengarah firma berkaitan (UPB konflik). Kajian ini menyifatkan urus niaga yang dijalankan antara entiti-entiti sebagai urus niaga yang efektif kerana urus niaga ini dijalankan untuk meningkatkan kecekapan operasi perniagaan dengan meminimumkan kos operasi melalui hubungan perniagaan dan tidak menjejaskan nilai pemegang saham minoriti (Khanna & Palepu 2000; Nekhili & Cherif 2011). Manakala, urus niaga dengan pihak berkaitan adalah urus niaga konflik kerana urus niaga ini sering terlibat dalam penyalahgunaan UPB (Bona-Sanchez et al. 2016; Nekhili & Cherif 2011). Maklumat UPB diperolehi dari bahagian nota kepada penyata dalam laporan tahunan firma di bawah tajuk pendedahan urus niaga pihak berkaitan (*Related Party Disclosures*), imbuhan pengarah (*Directors' Remuneration*) atau laporan pengarah (*Directors' Report*). Jadual 3 menunjukkan klasifikasi UPB yang digunakan dalam kajian ini.

JADUAL 3. Klasifikasi UPB

| Jenis UPB | | Klasifikasi pihak berkaitan | |
|--|---|---|--|
| UPB rumit | UPB mudah | UPB efektif | UPB konflik |
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jualan & belian brg/aset/saham ▪ Terima/beri perkhidmatan ▪ Belanja overhead/R&D ▪ Lain-lain urus niaga yang berkaitan dengan aktiviti utama perniagaan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkhidmatan perundangan/rundingan ▪ Pajakan/Sewa ▪ Pinjaman/jaminan ▪ Lain-lain urus niaga yang tidak berkaitan dgn aktiviti utama perniagaan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Syarikat subsidiari ▪ Syarikat bersekutu ▪ Syarikat usahasama | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengurus ▪ Pengarah ▪ Pemegang saham mengawal ▪ Individu yang berkaitan dengan pengarah /pemegang saham mengawal /pengarah firma berkaitan. |

MODEL KAJIAN

Kajian ini menggunakan model regresi kesan tetap untuk pengujian hipotesis. Model regresi adalah seperti berikut:

$$YA = \beta_0 + \beta_1UPB(UPBr, UPBm) + \beta_4BIG4 + \beta_5CAIR + \beta_6INVABT + \beta_7LEV + \beta_8PAA + \beta_9SAIZ + \varepsilon (1)$$

$$YA = \beta_0 + \beta_1UPB(UPBefek, UPBkonf) + \beta_4BIG4 + \beta_5CAIR + \beta_6INVABT + \beta_7LEV + \beta_8PAA + \beta_9SAIZ + \varepsilon (2)$$

Di mana:

| | | |
|--------|---|--|
| YA | = Yuran audit | = logaritma asli kepada jumlah amaun yuran audit |
| UPBR | = UPB rumit | = logaritma asli kepada jumlah amaun UPBR |
| UPBM | = UPB mudah | = logaritma asli kepada jumlah amaun UPBM |
| UPBE | = UPB efektif | = logaritma asli kepada jumlah amaun UPBE |
| UPBK | = UPB konflik | = logaritma asli kepada jumlah amaun UPBK |
| BIG4 | = Firma audit BIG4 | = petunjuk pepatung 1 jika BIG4, dan 0 jika sebaliknya |
| CAIR | = Kecairan firma | = nisbah aset semasa dibahagikan kepada liabiliti semasa |
| INVABT | = Jumlah inventori dan akaun penerimaan | = jumlah inventori dan akaun penerimaan (INVABT) dibahagi dengan jumlah aset |
| LEV | = Leveraj | = nisbah jumlah hutang kepada jumlah aset |
| PAA | = Pulangan atas aset | = nisbah pendapatan bersih kepada jumlah aset |
| SAIZ | = Saiz firma | = logaritma asli kepada jumlah aset |

Dalam model pertama kajian ini, yuran audit (YA) digunakan sebagai proksi kepada usaha audit dengan mengandaikan peningkatan yuran audit sebagai peningkatan kepada masa dan usaha juruaudit untuk mengenalpasti kewujudan UPB dan kecukupan pendedahan UPB. Selari dengan Al-Dhamari et al. (2017), kajian ini menggunakan logaritma asli sebagai pengukur yuran audit. Kompleksiti UPB diukur berdasarkan sifat urus niaga itu sendiri seperti yang telah diklasifikasi oleh Kohlbeck dan Mayhew (2010). Justeru itu, kajian ini mengkelaskan UPB kepada urus niaga rumit atau mudah. UPB rumit (*UPBR*) merujuk kepada urus niaga yang melibatkan banyak akaun penyata kewangan, pelbagai pihak berkaitan dan melibatkan beberapa terma

dan syarat urus niaga termasuklah jualan dan belian aset atau inventori, penerimaan atau pemberian perkhidmatan, perbelanjaan overhead dan pelaburan. UPB mudah (*UPBM*) pula adalah urus niaga langsung dan melibatkan hanya beberapa pihak berkaitan sahaja seperti pinjaman, jaminan, pajakan, sewa, perkhidmatan rundingan dan perundangan. Kajian ini mengelaskan UPB mengikut UPB rumit dan mudah untuk menerangkan sejauhmana kompleksiti UPB dapat memberi kesan kepada usaha dan kerja audit mengikut tahap kompleksiti urus niaga yang akhirnya dapat mempengaruhi perletakan yuran audit.

Model kedua kajian menekankan aspek pendedahan maklumat UPB mengikut pihak berkaitan. Kajian ini mengasingkan pihak berkaitan kepada dua kategori yang berbeza berdasarkan keperluan pelaporan MFRS 124 iaitu urus niaga antara kumpulan entiti (UPBE) dan urus niaga dengan pihak berkaitan (UPBK). UPBE terdiri daripada urus niaga yang melibatkan subsidiari, usahasama dan syarikat bersekutu. UPBK pula urus niaga di antara pengurus, pengarah dan pemegang saham dan uruniaga langsung dengan pihak berkaitan.

Selain itu, kajian ini juga mengambil kira faktor lain seperti saiz firma (SAIZ), kompleksiti perniagaan firma (ABTINV), keberuntungan firma (PAA), risiko firma (CAIR), leveraj firma (LEV) dan firma audit (BIG4) yang dapat mempengaruhi perletakan yuran audit (Hay et al. 2006; Nelson & Rusdi 2016). Kesemua pemboleh ubah dalam kajian ini dijangkakan berhubungungan secara positif dengan yuran audit (Hassan & Naser 2016; Hay et al. 2006; Nelson & Rusdi 2016; Wahab et al. 2011).

HASIL KAJIAN

ANALISIS DESKRIPTIF

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis deskriptif untuk setiap pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini. Panel A menunjukkan nilai min yuran audit (YA) adalah sebanyak RM80,381 dengan nilai minimum RM2,000 dan maksimum RM2,200,000. Bagi pemboleh ubah tidak bersandar, jelas menunjukkan firma menjalankan lebih banyak UPB rumit seperti urus niaga jualan dan belian atau pemberian dan penerimaan perkhidmatan atau jualan dan belian saham dan lain-lain urus niaga yang berkaitan dengan aktiviti utama perniagaan. Firma juga didapati lebih cenderung dan kerap menjalankan urus niaga antara kumpulan seperti subsidiari, syarikat bersekutu dan usahasama iaitu UPB efektif berbanding urus niaga dengan pihak berkepentingan iaitu UPB konflik di mana nilai purata UPB konflik menunjukkan nilai yang rendah berbanding UPB efektif.

Pemboleh ubah kawalan iaitu faktor lain yang boleh mempengaruhi pertimbangan perletakan yuran audit yang digunakan dalam kajian ini adalah firma audit (BIG4), faktor kecairan firma (CAIR), inventori dan akaun penerimaan (INVABT), leveraj (LEV), pulangan atas aset (PAA) dan saiz firma (SAIZ). Kecairan firma (CAIR) mempunyai nilai min 2.85 dengan nilai minimum 0 dan maksimum 27.98. Manakala, nilai min inventori dan akaun penerimaan (INVABT) dalam sampel kajian adalah 0.33. Kajian ini mendapati 33% daripada pendapatan firma adalah daripada jualan barang dan perkhidmatan atau aset. Pemboleh ubah kawalan leveraj (LEV), menunjukkan nilai min pada 0.18. Ini dapat disimpulkan bahawa 18% daripada sumber pembiayaan firma adalah melalui hutang. Seterusnya, pulangan atas aset (PAA) menunjukkan nilai min 0.67. Pulangan atas aset ini digunakan untuk menilai prestasi firma. Akhir sekali, saiz firma (SAIZ) merupakan faktor dominan dalam penentuan yuran audit dan dalam kajian ini, nilai min saiz firma adalah RM2,320,000,000. Panel B pula menunjukkan kekerapan firma melantik firma audit BIG4. Sebanyak 1,589 buah firma (55%) dalam sampel kajian menggunakan perkhidmatan firma audit BIG4.

JADUAL 4. Statistik deskriptif

| Pemboleh ubah | Minimum | Maksimum | Min | Sisihan piawai |
|----------------------------|---------------|---------------|-------------|----------------|
| Panel A | | | | |
| YA (RM) | 2,000 | 2,200,000 | 80,381 | 141,328 |
| UPBR (RM'000) | 0.00 | 37,900,000 | 83,910,973 | 1,330,000 |
| ▪ UPBR (<i>Log.asli</i>) | 0.00 | 24.35 | 3.43 | 6.73 |
| UPBM (RM'000) | 0.00 | 9,240,000 | 50,939,939 | 266,000 |
| ▪ UPBM (<i>Log.asli</i>) | 0.00 | 22.94 | 13.40 | 6.09 |
| UPBE (RM'000) | 0.00 | 37,900,000 | 132,000,000 | 1,360,000 |
| ▪ UPBE (<i>Log.asli</i>) | 0.00 | 24.35 | 13.34 | 6.54 |
| UPBK (RM'000) | 0.00 | 489,000 | 2,372,538 | 20,021 |
| ▪ UPBK (<i>Log.asli</i>) | 0.00 | 20.00 | 3.10 | 5.70 |
| CAIR | 0.00 | 27.98 | 2.85 | 3.12 |
| INVABT | 0.00 | 0.966 | 0.33 | 0.20 |
| LEV | 0.00 | 0.760 | 0.18 | 0.15 |
| PAA | -0.07 | 3.133 | 0.67 | 0.48 |
| SAIZ (RM'000) | 10,313 | 144,000,000 | 2,320,000 | 8,670,000 |
| Panel B : Papatung | | | | |
| | BUKAN BIG4 | BIG4 | | |
| BIG4 | 1,326 (45.5%) | 1,589 (54.5%) | | |

Nota: Yuran audit (**YA**), diukur menggunakan logaritma asli kepada jumlah amaun yuran audit. Urus niaga pihak berkaitan diukur menggunakan logaritma asli kepada jumlah amaun urus niaga pihak berkaitan rumit (**UPBR**), urus niaga pihak berkaitan mudah (**UPBM**), urus niaga pihak berkaitan efektif (**UPBE**) dan urus niaga pihak berkaitan konflik (**UPBK**). Firma audit yang berstatus (**BIG4**) dikodkan dengan 1 (*petunjuk papatung*) jika BIG4, dan 0 jika sebaliknya. Kecairan firma (**CAIR**), diukur dengan nisbah aset semasa dibahagikan kepada liabiliti semasa. Jumlah inventori dan akaun penerimaan (**INVABT**) dibahagi dengan jumlah aset. Leveraj firma (**LEV**) iaitu nisbah jumlah hutang kepada jumlah aset. Pulangan atas aset (**PAA**) diukur dengan nisbah pendapatan bersih kepada jumlah aset. Saiz firma (**SAIZ**) diukur berdasarkan logaritma asli kepada jumlah aset.

UJIAN MULTIKOLINEARITI

Analisis korelasi merupakan kaedah untuk menilai perkaitan antara pemboleh ubah. Analisis ini bertujuan untuk mengukur kekuatan hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah dalam model kajian. Analisis korelasi ini penting untuk mengesan sama ada wujud ataupun tidak masalah multikolineariti dalam model kajian yang dijalankan.

Multikolineariti wujud apabila korelasi yang tinggi pada dua atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar dalam satu model regresi (Gujarati 2004). Osman dan Chua (1987) menyatakan tidak seharusnya wujud masalah multikolineariti dalam model regresi kajian. Ini kerana, masalah multikolineariti yang wujud akan mengakibatkan model regresi yang diuji mengalami kesukaran dalam menentukan pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar (Maddala 1992). Multikolineariti akan wujud dalam model regresi yang berbentuk linear di antara pemboleh ubah bebas dan ianya akan mengakibatkan nilai R^2 tinggi (lebih dari 0.80), nilai t-statistik pemboleh ubah bebas tidak signifikan, dan nilai F tinggi (Gujarati 2004). Oleh itu, ujian multikolineariti sangat penting sebelum memulakan analisis regresi bagi memastikan tiada isu multikolineariti antara pemboleh ubah tidak bersandar dalam model kajian.

Nilai korelasi yang melebihi 0.80, menunjukkan terdapat hubungan korelasi yang tinggi antara pemboleh ubah bebas (Gujarati 2004). Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada Jadual 5 dan 6, ujian Pekali Korelasi Pearson menunjukkan tidak wujud masalah multikolineariti terhadap hubungan pemboleh ubah dalam model kajian. Walau bagaimanapun, kedua-dua model mendapati pemboleh ubah SAIZ dan YA menunjukkan nilai pekali yang tertinggi ($r = 0.449$, $p < 0.01$). Justeru itu, kesemua pemboleh ubah dalam kajian ini dikekalkan.

Di samping itu, multikolineariti dapat disahkan melalui ujian faktor inflasi varian (VIF) dengan menilai sejauhmana varian pekali regresi dianggarkan meningkat jika pemboleh ubah berkorelasi. Sekiranya tiada faktor yang berkorelasi, VIF akan menjadi 1. Hair et. al (1995) menyatakan nilai maksimum (VIF) adalah pada nilai 10. Secara keseluruhannya, Jadual 7 menunjukkan nilai VIF bagi kedua-dua model regresi kurang daripada 10. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kesemua pemboleh ubah dalam kajian ini tidak mempunyai masalah yang besar dengan multikolineariti kerana tiada nilai VIF pemboleh ubah yang melebihi 10.

JADUAL 5. Ujian korelasi Pearson hubungan UPB rumit, UPB mudah dan yuran audit

| MODEL 1 | YA | UPBR | UPBM | BIG4 | CAIR | INVABT | LEV | PAA | SAIZ |
|---------|----------|----------|---------|----------|----------|----------|-------|----------|------|
| YA | 1 | | | | | | | | |
| UPBR | .247*** | 1 | | | | | | | |
| UPBM | .241*** | .205*** | 1 | | | | | | |
| BIG4 | .303*** | .112*** | .223*** | 1 | | | | | |
| CAIR | -.107*** | .051*** | -.036 | -.027 | 1 | | | | |
| INVABT | -.073*** | -.065*** | -.031 | -.134*** | -.039** | 1 | | | |
| LEV | .200*** | .005 | .126*** | .115*** | -.396*** | .049*** | 1 | | |
| PAA | -.005 | .112*** | .050*** | .053*** | -.123*** | .418*** | -.034 | 1 | |
| SAIZ | .449*** | .181*** | .313*** | .383*** | -.148*** | -.262*** | 0.371 | -.147*** | 1 |

Nota: ***Korelasi signifikan pada $p < 0.01$, ** Korelasi signifikan pada $p < 0.05$, * Korelasi signifikan pada $p < 0.10$

JADUAL 6. Ujian korelasi Pearson hubungan UPB efektif, UPB konflik dan yuran audit

| MODEL 2 | YA | UPBE | UPBK | BIG4 | CAIR | INVABT | LEV | PAA | SAIZ |
|---------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|---------|----------|------|
| YA | 1 | | | | | | | | |
| UPBE | .235*** | 1 | | | | | | | |
| UPBK | .133*** | .080*** | 1 | | | | | | |
| BIG4 | .303*** | .202*** | .115*** | 1 | | | | | |
| CAIR | -.107*** | -.072*** | .003 | -.027 | 1 | | | | |
| INVABT | -.073*** | .017 | -.150*** | -.134*** | -.039** | 1 | | | |
| LEV | .200*** | .135*** | .040** | .115*** | -.396*** | .049*** | 1 | | |
| PAA | -.005 | .108*** | -.091*** | .053*** | -.123*** | .418*** | -.034 | 1 | |
| SAIZ | .449*** | .291*** | .133*** | .383*** | -.148*** | -.262*** | .371*** | -.147*** | 1 |

Nota: ***Korelasi signifikan pada $p < 0.01$, ** Korelasi signifikan pada $p < 0.05$, * Korelasi signifikan pada $p < 0.10$

JADUAL 7. Faktor inflasi varian (VIF)

| PEMBOLEH UBAH | MODEL 1 | MODEL 2 |
|---------------|---------|---------|
| | VIF | VIF |
| UPBR | 5.66 | - |
| UPBM | 4.65 | - |
| UPBE | - | 4.72 |
| UPBK | - | 5.62 |
| BIG4 | 1.25 | 1.24 |
| CAIR | 1.22 | 1.22 |
| INVABT | 1.33 | 1.34 |
| LEV | 1.39 | 1.39 |
| PAA | 1.31 | 1.29 |
| SAIZ | 1.60 | 1.57 |

Nota: Yuran audit (YA), diukur menggunakan logaritma asli kepada jumlah amaun yuran audit. Urus niaga pihak berkaitan diukur menggunakan logaritma asli kepada jumlah amaun urus niaga pihak berkaitan rumit (UPBR), urus niaga pihak berkaitan mudah (UPBM), urus niaga pihak berkaitan efektif (UPBE) dan urus niaga pihak berkaitan konflik (UPBK). Firma audit yang berstatus (BIG4) dikodkan dengan 1 (petunjuk pepadung) jika BIG4, dan 0 jika sebaliknya. Kecairan firma (CAIR), diukur dengan nisbah aset semasa dibahagikan kepada liabiliti semasa. Jumlah inventori dan akaun penerimaan (INVABT) dibahagi dengan jumlah aset. Leveraj firma (LEV) iaitu nisbah jumlah hutang kepada jumlah aset. Pulangan atas aset (PAA) diukur dengan nisbah pendapatan bersih kepada jumlah aset. Saiz firma (SAIZ) diukur berdasarkan logaritma asli kepada jumlah aset.

UJIAN MUTLIVARIAT/PENGUJIAN HIPOTESIS

HUBUNGAN UPB RUMIT, UPB MUDAH DAN YURAN AUDIT

Berdasarkan Jadual 8 Panel A, kajian ini mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara pemboleh ubah UPB rumit (UPBR), UPB mudah (UPBM) dan yuran audit dengan nilai koefisien UPBR 0.005 (t-statistik = 2.085), $p < 0.05$ dan UPBM nilai koefisien 0.023 (t-statistik = 1.809), $p < 0.10$. Secara keseluruhannya, penemuan ini memberi bukti bahawa kewujudan UPB sama ada bersifat kompleks/rumit atau mudah boleh meningkatkan yuran audit. Ini menunjukkan bahawa juruaudit di Malaysia beranggapan bahawa UPB secara umumnya akan meningkatkan risiko audit di mana usaha, masa dan skop kerja audit perlu dipertingkatkan dan diperluaskan dalam usaha mengaudit firma yang terlibat dengan UPB. Tambahan pula, perundangan pengauditan di Malaysia sangat menekankan tanggungjawab juruaudit untuk melaporkan dan memberi jaminan sepenuhnya terhadap UPB. Oleh itu, peningkatan dalam usaha audit ini akan memberi kesan kepada peningkatan yuran audit yang akan dikenakan kepada firma pelanggan. Kajian-kajian lepas yang dijalankan di Malaysia seperti Munir dan Gul (2010), Munir et al. (2013), Wahab et al. (2011), Haji Abdullah and Wan Hussin (2015) menunjukkan bahawa UPB menjejaskan kualiti perolehan dan prestasi kewangan firma. Oleh itu, hipotesis pertama (H1) kajian ini bahawa hubungan antara UPB dengan yuran audit bergantung kepada kompleksiti UPB tidak disokong.

JADUAL 8. Analisis regresi

| Panel A | | | Panel B | | |
|-----------------------|--------------------|----------|-----------------------|--------------------|----------|
| Pemboleh ubah | Koefisien (t-stat) | Nilai-P | Pemboleh ubah | Koefisien (t-stat) | Nilai-P |
| C | 2.147 (2.036) | 0.042** | C | 2.125 (2.015) | 0.044** |
| UPBR | 0.005 (2.085) | 0.037** | UPBE | 0.022 (1.975) | 0.048** |
| UPBM | 0.023 (1.809) | 0.070* | UPBK | 0.003 (0.597) | 0.551 |
| BIG4 | 0.151 (1.461) | 0.144 | BIG4 | 0.155 (1.452) | 0.147 |
| CAIR | 0.033 (1.742) | 0.081* | CAIR | 0.034 (1.736) | 0.083* |
| INVABT | 0.791 (1.574) | 0.115 | INVABT | 0.798 (1.584) | 0.113 |
| LEV | 0.083 (0.232) | 0.816 | LEV | 0.052 (0.146) | 0.884 |
| PAA | 0.071 (1.034) | 0.301 | PAA | 0.073 (1.047) | 0.295 |
| SAIZ | 0.382 (5.599) | 0.000*** | SAIZ | 0.385 (5.761) | 0.000*** |
| R-Squared Terlaras | 0.77 | | R-Squared Terlaras | 0.77 | |
| F-Statistik (nilai p) | 18.23 | | F-Statistik (nilai p) | 18.20 | |
| Durbin-Watson | 2.37 | | Durbin-Watson | 2.37 | |

Nota: Yuran audit (YA), diukur berdasarkan logaritma asli. Urus niaga pihak berkaitan rumit (UPBR), urus niaga pihak berkaitan mudah (UPBM), urus niaga pihak berkaitan efektif (UPBE) dan urus niaga pihak berkaitan konflik (UPBK) diukur berdasarkan logaritma asli. Firma audit yang berstatus BIG4, diukur sebagai petunjuk pepadung 1 jika BIG4, dan 0 jika sebaliknya. Kecairan firma (CAIR), diukur nisbah aset semasa dibahagikan kepada liabiliti semasa. Jumlah inventori dan akaun penerimaan (INVABT) dibahagi dengan jumlah aset. Leverage firma (LEV) iaitu nisbah jumlah hutang kepada jumlah aset. Pulangan atas aset (PAA) iaitu nisbah pendapatan bersih kepada jumlah aset. Saiz firma (SAIZ) diukur berdasarkan logaritma asli jumlah aset.

***, **, * menunjukkan level signifikan pada 1%, 5% dan 10% masing-masing.

HUBUNGAN UPB EFEKTIF, UPB KONFLIK DAN YURAN AUDIT

Kajian ini juga mengkaji hubungan pendedahan maklumat pihak berkaitan yang terlibat dalam UPB dan yuran audit iaitu terdiri daripada UPB efektif (UPBE) dan UPB konflik (UPBK). Jadual 8 Panel B menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara UPBE dan yuran pada nilai koefisien 0.022 (t-statistik = 1.975) dan signifikan pada $p < 0.05$. Ini menunjukkan, urus niaga yang dijalankan oleh syarikat dengan entiti seperti subsidiari, syarikat bersekutu, dan syarikat usahasama meningkatkan yuran audit. Walaupun UPBE mempunyai potensi risiko konflik kepentingan yang rendah, namun peningkatan kepada struktur bilangan kumpulan firma mengakibatkan juruaudit sukar untuk mengenalpasti setiap UPB yang dimasuki oleh firma dalam struktur organisasi yang kompleks (Chan & Hsu 2013). Maka dengan itu, juruaudit perlu memperuntukkan lebih masa dan prosedur audit yang panjang yang akhirnya dapat meningkatkan yuran audit. Hal ini turut disokong oleh Gul et al. (2017), yang mendapati firma yang mempunyai struktur syarikat induk-subsidiari yang tinggi meningkatkan yuran audit terutamanya bagi firma yang terlibat dengan UPB.

Kajian ini menjangkakan UPB yang melibatkan pihak berkepentingan seperti pemegang saham pengawal, pengarah, pengurus atau lain-lain pihak berkaitan yang mempunyai kepentingan dengan pemegang saham, pengarah atau pengurus lebih cenderung untuk terlibat dengan konflik kepentingan yang berhubungan secara positif dengan yuran audit. Walau bagaimanapun,

Jadual 8 Panel B menunjukkan UPBK tidak memberi kesan kepada yuran audit. Hal ini mungkin disebabkan oleh sampel kajian ini mendapati hanya 628 buah firma iaitu 21.5% sahaja firma yang menjalankan urus niaga dengan pihak berkepentingan yang melibatkan pemegang saham, pengarah, pengurus dan lain-lain pihak berkaitan sepanjang tahun 2013-2017. Maka untuk pengujian hipotesis dalam kajian ini ianya mungkin tidak dapat memberikan hubungan yang kuat antara UPBK dan yuran audit. Justeru itu, hipotesis kedua (H2) kajian yang menjangkakan perbezaan hubungan antara jenis pihak berkaitan dengan yuran audit tidak disokong.

ANALISIS TAMBAHAN

Analisis tambahan dijalankan dalam kajian ini untuk memastikan dapatan kajian yang diperolehi daripada model regresi yang telah dibangunkan adalah stabil dan konsisten. Analisis tambahan pertama ialah dengan menggunakan petunjuk pepadung untuk mengukur kewujudan UPB terhadap perletakan yuran audit. Konsisten dengan kajian Kohlbeck & Mayhew (2010), firma yang mempunyai UPBR, UPBM, UPBE dan UPBK dikodkan sebagai 1 dan 0, jika firma tidak mempunyai urus niaga. Panel A dan B dalam Jadual 9 menunjukkan keputusan yang konsisten dengan dapatan utama kajian ini.

JADUAL 9. Analisis petunjuk pepadung

| PANEL A | | | PANEL B | | |
|-----------------------|--------------------|----------|-----------------------|--------------------|----------|
| Pemboleh ubah | Koefisien (T-Stat) | Nilai-P | Pemboleh ubah | Koefisien (T-Stat) | Nilai-P |
| C | 2.081 (2.049) | 0.041** | C | 2.078 (2.025) | 0.043** |
| DUPBR | 0.094 (1.652) | 0.090* | DUPBE | 0.348 (2.059) | 0.030** |
| DUPBM | 0.367 (1.967) | 0.040** | DUPBK | 0.043 (0.818) | 0.413 |
| BIG4 | 0.157 (1.472) | 0.141 | BIG4 | 0.158 (1.462) | 0.143 |
| CAIR | 0.033 (1.710) | 0.087* | CAIR | 0.033 (1.707) | 0.080* |
| INVABT | 0.790 (1.565) | 0.110 | INVABT | 0.793 (1.569) | 0.110 |
| LEV | 0.067 (0.191) | 0.849 | LEV | 0.042 (0.119) | 0.904 |
| PAA | 0.072 (1.055) | 0.291 | PAA | 0.076 (1.119) | 0.263 |
| SAIZ | 0.386 (5.876) | 0.000*** | SAIZ | 0.387 (5.971) | 0.000*** |
| R-Squared | 0.82 | | R-Squared | 0.823 | |
| R-Squared Terlaras | 0.77 | | R-Squared Terlaras | 0.779 | |
| F-Statistik (nilai p) | 18.26 | | F-Statistik (nilai p) | 18.23 | |
| Durbin-Watson | 2.37 | | Durbin-Watson Stat | 2.37 | |

Nota: ***, **, * menunjukkan level signifikan pada 1%, 5% dan 10% masing-masing.

Di samping itu, kajian ini menjalankan analisis regresi tambahan dengan mengecualikan firma yang tidak melaporkan UPB daripada sampel kajian. Sebanyak 57 buah firma telah dikeluarkan daripada sampel. Baki sampel sebanyak 526 buah firma yang mendedahkan nilai magnitud UPB dengan jumlah pemerhatian sebanyak 2,479 buah bagi tahun 2013 hingga 2017. Dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 10 adalah konsisten dengan analisis regresi utama dan analisis tambahan yang lain. Hasil kajian menunjukkan hubungan positif nilai magnitud UPBR dan UPBM terhadap yuran audit dengan nilai koefisien 0.005 (t-statistik=2.473), 0.011 (t-statistik=1.831), $p < 0.01$ dan $p < 0.10$ masing-masing.

JADUAL 10. Analisis firma UPB sahaja

| PANEL A | | | PANEL B | | |
|-----------------------|--------------------|----------|-----------------------|--------------------|----------|
| Pemboleh ubah | Koefisien (T-Stat) | Nilai-P | Pemboleh ubah | Koefisien (T-Stat) | Nilai-P |
| C | 6.331 (21.71) | 0.000*** | C | 6.398 (23.44) | 0.000*** |
| UPBR | 0.005 (2.473) | 0.013** | UPBE | 0.009 (1.859) | 0.063* |
| UPBM | 0.011 (1.831) | 0.067* | UPBK | 0.001 (0.522) | 0.601 |
| BIG4 | 0.114 (0.983) | 0.326 | BIG4 | 0.119 (0.982) | 0.326 |
| CAIR | -0.004 (-0.190) | 0.849 | CAIR | -0.005 (-0.289) | 0.772 |
| INVABT | 0.128 (2.486) | 0.013** | INVABT | 0.134 (2.640) | 0.008*** |
| LEV | -0.314 (-2.996) | 0.003*** | LEV | -0.330 (-3.349) | 0.001*** |
| PAA | -0.040 (-1.842) | 0.066* | PAA | -0.041 (-1.795) | 0.073* |
| SAIZ | 0.205 (9.686) | 0.000*** | SAIZ | 0.204 (10.411) | 0.000*** |
| R-Squared | 0.862 | | R-Squared | 0.86 | |
| R-Squared Terlaras | 0.824 | | R-Squared Terlaras | 0.82 | |
| F-Statistik (nilai p) | 22.67 | | F-Statistik (nilai p) | 22.64 | |
| Durbin-Watson Stat | 2.12 | | Durbin-Watson Stat | 2.12 | |

Nota: ***, **, * menunjukkan level signifikan pada 1%, 5% dan 10% masing-masing.

KESIMPULAN

UPB sering kali dianggap sebagai urusan niaga yang berpotensi untuk disalahgunakan oleh pemegang saham pengawal dan pihak pengurusan yang oportunis. Struktur UPB yang kebiasaannya bersifat kompleks serta melibatkan pelbagai pihak berkepentingan membuka ruang dan peluang kepada pihak dalaman firma untuk mereka bentuk UPB ini bagi memenuhi kepentingan peribadi mereka. Keadaan ini memberi cabaran kepada juruaudit untuk menjalankan kerja-kerja audit kerana juruaudit dipertanggungjawabkan untuk memastikan maklumat UPB yang dilaporkan dalam penyata kewangan firma adalah benar. Oleh itu, timbul persoalan sama ada juruaudit mengambil kira risiko dan usaha audit dalam perletakan yuran audit bagi firma yang terlibat dengan UPB (Al-Dhamari et al. 2017). Justeru itu, kajian ini mengkaji hubungan antara UPB dan yuran audit dengan memberi fokus sama ada kompleksiti dan jenis pihak berkaitan yang berbeza memberi kesan berbeza dalam penentuan yuran audit.

Dapatan pertama kajian mendapati kedua-dua UPB rumit dan UPB mudah berhubung secara positif dengan yuran audit. Penemuan ini menunjukkan bahawa juruaudit di Malaysia berpendapat bahawa UPB secara umumnya meningkatkan risiko audit. Oleh itu, juruaudit akan meningkatkan usaha audit apabila mengaudit firma yang menjalankan UPB. Peningkatan dalam usaha audit ini akhirnya akan meningkatkan yuran audit yang akan dikenakan kepada firma pelanggan. Dapatan ini walau bagaimanapun tidak menyokong hipotesis pertama.

Dapatan kedua kajian ini pula mendapati hanya UPB efektif yang berhubung secara positif dengan yuran audit. Walaupun pada dasarnya, UPB efektif dianggap mempunyai potensi risiko konflik kepentingan yang rendah, namun urusan niaga yang melibatkan entiti dalam kumpulan seperti subsidiar, syarikat bersekutu dan usaha sama di Malaysia semakin meningkat. Oleh yang demikian, juruaudit di Malaysia menghadapi kesukaran untuk mengenalpasti setiap UPB yang dimasuki oleh firma dalam struktur organisasi yang kompleks (Chan & Hsu 2013). Maka dengan itu, juruaudit perlu memperuntukkan lebih masa dan prosedur audit yang panjang yang akhirnya akan meningkatkan yuran audit.

Kajian ini juga mempunyai beberapa limitasi. Nilai magnitud UPB yang diperolehi adalah berdasarkan maklumat yang didedahkan dalam laporan kewangan syarikat sahaja. Kajian ini tidak mempunyai kawalan terhadap UPB yang tidak dilaporkan yang mungkin bertujuan untuk memanipulasi penyata kewangan firma. Kajian ini juga tidak dapat menentukan jumlah jam sebenar yang diperuntukkan oleh juruaudit untuk mengaudit UPB dan juga tidak dapat mengakses kertas kerja audit kerana maklumat tersebut adalah sulit dan merupakan hak persendirian firma audit. Menurut Kohlbeck & Mayhew (2017), jumlah masa dan prosedur audit yang dilakukan oleh juruaudit boleh menggambarkan dengan jelas usaha juruaudit yang diperuntukkan dalam melaksanakan kerja audit serta tindakbalas juruaudit dalam mengaudit UPB (Kohlbeck & Mayhew 2017). Oleh yang demikian, kajian ini hanya menggunakan jumlah bayaran yuran audit sebagai proksi untuk usaha dan kerja-kerja audit. Kajian ini juga tidak mengambilkira pemboleh ubah pemoderat (*moderating*) atau pemboleh ubah pengantara (*mediating*) kerana fokus utama kajian adalah untuk melihat kesan kompleksiti dan jenis pihak berkaitan terhadap yuran audit. Walau bagaimanapun, dicadangkan agar kajian akan datang mengambil kira pengkhususan industri firma audit dan tempoh perlantikan semula juruaudit sebagai faktor pemoderat antara hubungan UPB dan yuran audit. Kajian ini diharap dapat memberikan implikasi penting kepada juruaudit untuk memahami bagaimana yuran audit boleh dipengaruhi oleh nilai magnitud UPB. Di samping itu, dapatan kajian ini juga berguna kepada penggubal dasar untuk memberi penekanan terhadap peranan juruaudit dalam usaha mengenalpasti kewujudan UPB.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas geran penyelidikan yang diberikan iaitu GUP-2018-089.

RUJUKAN

- Abdul Wahab, E.A., Haron, H., Lok, C.L. & Yahya, S. 2010. Does corporate governance matter? Evidence from related party transactions in Malaysia. *Advances in Financial Economics* 14: 131-164.
- Aharony, J., Wang, J. & Yuan, H. 2010. Tunneling as an incentive for earnings management during the IPO process in China. *Journal of Accounting and Public Policy* 29(1): 1-26.
- Al-Dhamari, R. A., Al-Gamrh, B., Ku Ismail, K. N. I. & Haji Ismail, S. S. 2017. Related party transactions and audit fees: the role of the internal audit function. *Journal of Management and Governance* 1-26.
- Ariff, A.M. & Hashim, H. 2013. The breadth and depth of related party transactions disclosures. *International Journal of Trade, Economics and Finance* 4(6): 388.

- Bona-Sanchez, C., Fernandez-Senra, C. L. & Pérez-Alemán, J. 2016. Related-party transactions, dominant owners and firm value. *Business Research Quarterly* 20(1): 4–17.
- Chaghadari, M. F. & Shukor, Z. A. 2011. Corporate governance and disclosure of related party transactions. *Proceedings of the 2nd International Conference on Business and Economic Research*, 14-16 March.
- Chan, A. L. C. & Hsu, A. W. 2013. Corporate pyramids, conservatism and cost of debt: Evidence from Taiwan. *International Journal of Accounting* 48(3): 390–413.
- Cheung, Y. L., Rau, P. R. & Stouraitis, A. 2006. Tunneling, propping, and expropriation: evidence from connected party transactions in Hong Kong. *Journal of Financial Economics* 82(2): 343–386.
- Claessens, S., Djankov, S., Fan, J.P.H. & Lang, L.H.P. 2002. Disentangling the incentive and entrenchment effects of large shareholding. *The Journal of Finance* 57(6): 2741–2771.
- Colbert, J. L. & Jahera, Jr. J. S. 1988. The role of the audit and agency theory. *The Journal of Applied Business Research* 4(2): 7–12.
- Dahya, J., Dimitrov, O. & McConnell, J. 2008. Dominant shareholders, corporate boards, and corporate value: a cross-country analysis. *Journal of Financial Economics* 87 (1): 73–100.
- DeAngelo, L. E. 1981. Auditor size and audit quality. *Journal of Accounting and Economics* 3(3): 183–199.
- Elkelish, W. W. 2017. IFRS related party transactions disclosure and firm valuation in the United Arab Emirates emerging market. *Journal of Accounting in Emerging Economies* 7(2): 173–189.
- Fama, E. 1980. Agency problems and the theory of the firm. *Journal of Political Economy* 88(2): 288–307.
- Gallery, G., Gallery, N. & Supranowicz, M. 2008. Cash-based related party transactions in new economy firms. *Accounting Research Journal* 21(2): 147–166.
- Ge, W., Drury, D. H., Fortin, S., Liu, F. & Tsang, D. 2010. Value relevance of disclosed related party transactions. *Advances in Accounting* 26(1): 134–141.
- Gordon, E. A., Henry, E., Louwers, T. J. & Reed, B. J. 2007. Auditing related party transactions: A literature overview and research synthesis. *Accounting Horizons* 21(1): 81–102.
- Gordon, E. A., Henry, E. & Palia, D. 2004. Related Party Transactions: Associations with Corporate Governance and Firm Value. from https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=558983. (Accessed on 19 July 2020)
- Gujarati, D.N. 2004. *Basic Econometrics*. Edisi ke-4. New York: McGraw-Hill.
- Gul, F. A., Hsu, A. W. & Liu, S. H.-T. 2017. Parent-Subsidiary Investment Layers and Audit Fees. *Journal of Accounting, Auditing & Finance* 33(4): 555–579.
- Habib, A., Jiang, H., & Zhou, D. 2015. Related-party transactions and audit fees: Evidence from China. *Journal of International Accounting Research* 14(1): 59–83.
- Habib, A., & Muhammadi, A. H. 2018. Political connections and audit report lag: Indonesian evidence. *International Journal of Accounting & Information Management* 26(1): 59–80.
- Habib, A., Bhuiyan, M. D. U. & Rahman, A. 2019. Problem directors and audit fees. *International Journal of Auditing* 23(1): 125–143.
- Hair, J., R. Anderson, R. Tatham, & W. Black. 1995. *Multivariate Data Analysis Englewood Cliffs*. USA: Prentice-Hall International.
- Haji Abdullah, N. M. & Wan Hussin, W. N. 2015. Related party transactions, audit committees and real earnings management: the moderating impact of family ownership. *Advanced Science Letters* 21(6): 2033–2037.
- Hay, D. W. R. Knechel & N. Wong. 2006. Audit fees: A meta-analysis of the effect of supply and demand attributes. *Contemporary Accounting Research* 23 (1): 141–191.
- Hassan, Y. & Naser, K. 2016. Factors influencing external audit fees of companies listed on Dubai Financial Market. *Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 9(3): 26.
- Henry, E., Gordon, E.A., Reed, B. & Louwers, T. 2007. The role of related party transactions in fraudulent financial reporting. *Kertas Kerja University of Miami*.
- Huang, D. T. & Liu, Z. C. H. 2010. A study of the relationship between related party transactions and firm value in high technology firms in Taiwan and China. *African Journal of Business Management* 4(9): 1924–1931.
- Jensen, M. C. 1986. Agency costs of FCF, corporate finance, and takeovers. *The American Economic Review* 76: 323–329.
- Jensen, M. C. 1993. The modern industrial revolution, exit and the failure of internal control systems. *Journal of Finance* 48(3): 831–880.
- Jensen, M. C. & Meckling, W. H. 1976. Theory of the firm: Managerial behavior, agency costs and ownership structure. *Journal of Financial Economics* 3(4): 305–360.
- Jian, M. & Wong, T. J. 2010. Propping through related party transactions. *Review of Accounting Studies* 15(1): 70–105.
- Khanna, T. & Palepu, K. 2000. Is group affiliation profitable in emerging markets? An analysis of diversified Indian business groups. *Journal of Finance* 55(2): 867–891.

- Kohlbeck, M. & Mayhew, B. W. 2010. Valuation of firms that disclose related party transactions. *Journal of Accounting and Public Policy* 29(2): 115–137.
- Kohlbeck, M. & Mayhew, B. W. 2017. Are related party transactions red flags? *Contemporary Accounting Research* 34(2): 900–928.
- Maddala, G.S. 1992. *Introduction to Econometrics*. Edisi kedua. USA: Prentice-Hall International.
- Malaysia Financial Reporting Standards (MFRS) 124 'Related Party Disclosures'.
- Md Nor, H. & Ku Ismail, K. N. I. 2017. The moderating effects of independent directors' human capital on the relationship between related party transactions and firm performance: Evidence from Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 51(2017): 1–27.
- Munir, S., & Gul, R. J. 2010. Related party transactions, family firms and firm performance: some Malaysian evidence. *Finance and Corporate Governance Conference*. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1705846. (Accessed on 19 July 2020)
- Munir, S., Mohd-Saleh, N., Jaffar, R. & Yatim, P. 2013. Family ownership, related-party transactions and earnings quality. *Asian Academy of Management Journal and Finance* 9(1): 129-153.
- Mustapha, M. 2014. Monitoring costs of multinational companies: An agency theory perspective. *Asian Journal of Business and Accounting* 7(2): 23–44.
- Nekhili, M. & Cherif, M. 2011. Related parties transactions and firm's market value: the French case. *Review of Accounting and Finance* 10(3): 291–315.
- Nelson, S. & Rusdi, F. 2016. Ownership structures influence on audit fee. *Journal of Accounting in Emerging Economies* 5(4): 457–478.
- OECD. 2009. Guide on fighting abusive related party transactions in Asia. *Corporate Governance Series*.
- Osman, R. & Chua, Y. Y. 1987. *Kaedah dan Model Ekonometrik*. Bangi: Penerbit UKM.
- Panda, B. & Leepsa, N. M. 2017. Agency theory: review of theory and evidence on problems and perspectives. *Indian Journal of Corporate Governance* 10(1): 74-95.
- Rahmat, M. M. & Mohd Iskandar, T. 2004. Audit fee premiums from brand name, industry specialization and industry leadership: a study of the post Big 6 merger in Malaysia. *Asian Review of Accounting* 12: 1-24.
- Rahmat, M. M., Ahmed, K. & Lobo, G. 2013. Related Party Transactions and Firm Valuation: Cross-Country Evidence from East Asia. *SSRN Electronic Journal* :1–54.
- Shleifer, A. & Vishny, R.W. 1986. Large shareholders and corporate control. *Journal of Political Economy* 94(3, Part 1): 461-488.
- Utama, S., A. Utama, C., & Yuniasih, R. 2010. Related party transaction - efficient or abusive: Indonesia evidence. *Asia Pacific Journal of Accounting and Finance* 1(1):77-102
- Wahab, E. A. A., Zain, M. M. & James, K. 2011. Audit fees in Malaysia: Does corporate governance matter? *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance* 7(1): 1–27.
- Wong, R., Kim, J. B. & Lo, A. W. Y. 2015. Are related-party sales value-adding or value-destroying? Evidence from China. *Journal of International Financial Management and Accounting* 26(1): 1–38.
- Yeh, Y.-H., Shu, P.-G. & Su, Y.-H. 2012. Related party transactions and corporate governance: the evidence from the Taiwan Stock Market. *Pacific-Basin Finance Journal* 20(5): 755-776.

Nor Suhaila Mohd Ghazali*
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA
E-mail: norsuhailaghazali@gmail.com

Hamezah Md Nor*
Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA
E-mail: miezah@ukm.edu.my

Nur Hidayah Waad
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA
E-mail: dnurhidayahwaad@gmail.com

Mohd Mohid Rahmat
Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA
E-mail: mohead@ukm.edu.my

*Penulis koresponden

GALLEY PROOF